

# Menara mampu kendali teknologi terbaru

9

KUALA LUMPUR, Khamis — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata pembinaan Menara Kuala Lumpur membawa Malaysia memasuki peringkat terakhir teknologi telekomunikasi terkini.

Menurut Perdana Menteri, menara itu mampu mengendalikan apa juga teknologi baru di bidang telekomunikasi pada masa akan datang selain mengendalikan kawalan udara dan laut di Selat Melaka.

Menara Kuala Lumpur setinggi 422 meter dengan kedudukannya di atas Bu-

kit Nanas yang setinggi 100 meter di paras laut, dibina menggunakan teknologi dari Jerman.

“Matlamat pembinaan menara pelbagai guna ini ialah membawa kita memasuki zaman telekomunikasi di peringkat yang terakhir. Kita yakin apa juga teknologi baru dalam telekomunikasi yang dicipta, ia dikendalikan oleh menara ini,” katanya.

Dr Mahathir berkata demikian selepas merasmikan pembinaan struktur asas (superstructure) dan mendengar taklimat mengenai projek Menara

Kuala Lumpur di Bukit Nanas hari ini.

Taklimat itu disampaikan oleh Menteri Penerangan, Datuk Mohamed Rahmat, selaku pengerusi projek itu. Turut hadir ialah Pengerusi Esekutif Syarikat Telekom Malaysia (STMB), Tan Sri Rashdan Baba.

Perdana Menteri berkata, pembinaan menara itu juga bermakna proses pemindahan satu lagi teknologi canggih dalam sektor pembinaan mesti dikuasai oleh jurutera, juruteknik serta kontraktor tempatan.

Antara keunikan teknik baru yang digunakan ialah kerja menuang simen mesti dilakukan berterusan sehingga ke kepala menara manakala struktur menara pula semakin mengecil di sebelah atas.

Menara Kuala Lumpur dijangka siap akhir 1995 dan dibuka kepada umum awal 1996. Pembinaannya dijangka menelan belanja RM270 juta. Ia adalah menara ketiga tertinggi di dunia selepas Menara CNN di Toronto, Kanada (553 meter) dan Menara Moscow, Russia (537 meter).